Share Margin Financing
Product Disclosure Sheet

PRODUCT DISCLOSURE SHEET **(Read this Product Disclosure Sheet (PDS) before you decide to take up the Share Margin Financing product. Be sure to also read the terms in the related Letter of Offer. Seek clarification from your institution if you do not understand any part of this document or the general terms.)**	**Alliance Bank Malaysia Berhad ("ABMB" or "bank")** **Share Margin Financing** Date: _____

1. What is this Share Margin Financing about?

- Share Margin Financing is a credit facility offered by ABMB that enable customers to finance their share acquisition via a credit limit secured against different types of collaterals (e.g. cash, ABMB's Fixed Deposits ("FD"), foreign currency, quoted shares on Bursa Malaysia and recognised foreign stock exchanges)
- You can trade your selected shares through ABMB's Share Margin facility i.e. trading with ABMB Share Trading Centre ("STC") and/or ABMB Internet Trading.

2. What do I get from these products?

• Financing Amount/ Limit	:	Minimum RM50,000; Maximum RM20,000,000.
• Margin of Financing ("MOF")	:	Up to 60%
• Margin Call	:	Up to 70%
• Force-selling	:	Up to 80%
• Duration	:	Subject to periodic review of the Bank
• Standardised Base Rate ("SBR")	:	2.75% effective from 15 July 2025
• Interest Rate	:	Minimum rate at Standardised Base Rate ("SBR") + 2.85% p.a. (subject to collateral portfolio composition) Maximum rate at Standardised Base Rate ("SBR") + 6.00%p.a.
• Interest Payable	:	Interest calculated daily rest on the financing amount utilised/loan outstanding of the Share Margin Financing facility ("the Facility"). The interest is to be serviced monthly via debit from the loan account.

Note: The final terms and interest rate charged will be stated in the Letter of Offer.

Example of the Share Margin Financing purchasing power:

Collateral (RM)	**Multiplier [Margin of Financing = up to 60%]**	**Credit Limit (RM) / Margin Limit (RM)**
FD 100K	2.5 X	250k
Cash 100K	1.5 X	150k + 100k (Cash)
Quoted shares 100K (**Capped at ECP**)*	1.5 X	150k

* Effective Cap Price (ECP) = Capping price or market price of traded shares (whichever lower)

3. What is the Standardised Base Rate ("**SBR**")

- The SBR we offer on this product is based on the benchmark rate specified by Bank Negara Malaysia (BNM). The benchmark rate is currently set as the Overnight Policy Rate (OPR), which reflects the monetary policy stance as decided by the Monetary Policy Committee of Bank Negara Malaysia.

4. What are possible scenarios to trigger a change in the SBR?

- The SBR can rise or fall due to changes in the benchmark rate, i.e. changes in the Overnight Policy Rate (OPR).

5. Historical SBR for the past 3 years



Note: The SBR was introduced on 1 August 2022. The line in the graph shows the historical series of the OPR, which is the benchmark rate of the SBR.

6. What are my obligations?

- You must pay interest calculated on the financing amount utilized/loan outstanding. The interest is to be serviced monthly in arrears, compounded on monthly rest.

Formula to compute the interest charge (accrued on daily basis & charged on monthly basis):

$$\text{Daily Interest Charged} = \frac{\text{Total loan outstanding of the day X Interest rate per annum}}{\text{Number of days in a year}}$$

Your effective interest rate is based on the SBR plus a spread. The SBR may change if BNM revises the OPR. If the OPR increases, your interest rate and total repayment amount will also increase.

Assume 30 days a month	**Today (SBR = 2.75%)**	**If SBR goes up 0.25%**	**If SBR goes up 0.50%**
Loan utilisation	RM3,000,000.00	RM3,000,000.00	RM3,000,000.00
Effective Rate (spread @ 2.15%)	4.90%	5.15%	5.40%
Monthly interest charged on utilisation	RM12,082.19	RM12,698.63	RM13,315.07

- Upon demand, you are to repay all financing amount outstanding/ loan outstanding under the Facility, including the principal amount, interest and any other fees and charges.
- Should the collateral value fall short of your outstanding amount owing under the bank, you are required to furnish/ provide additional collateral or cash to the bank.

7. What are the fees and charges I have to pay?

No.	**Fees**	**Amount**
i)	CDS Account Opening Fee	RM10
ii)	Stamp Duty	The stamp duty payable under the prevailing Stamp Act 1949

Note:
Unless otherwise specified herein, the bank's charges exclude any current taxes and future taxes that may be imposed, under the relevant legislation. Upon the effective date of implementation of any such taxes in the future and wherever applicable, bank will be entitled to recover such taxes from you.
For more information about fees and charges, please refer to https://www.alliancebank.com.my/fees-and-charges

8. What if I fail to fulfill my obligations?

- When the loan outstanding amount exceeds the Facility Limit, an additional interest of 1.0% p.a. will be charged on the excess amount above the Facility Limit.
- You are required to maintain the security margin at all times. In the event that the value of securities is inadequate to cover the loan outstanding, you would be subject to a margin call or force-sell, which requires you to provide additional collaterals or cash. The bank reserves the right to force-sell your pledged collaterals to cover for the inadequate security margin if you fail to rectify the security margin position within the stipulated time frame. The grace period to rectify any margin call and/or excesses is within four (4) business days from the date of communication/notification.
- In addition to any other right which the bank may have, the bank shall be entitled at any time, and with prior notice to you, to combine or consolidate all or any of your accounts and liabilities of yours or set-off or transfer any sum or sums standing to the credit of one or more of such accounts, in or towards satisfaction of any of the liabilities of yours under the facility.

9. Do I need any insurance/ takaful coverage?

- No. Insurance or takaful coverage is not required for this facility.

10. Do I need a guarantor or collateral?

- Requirement of any guarantor is subject to the credit assessment of the customers by ABMB.
- Examples of acceptable collaterals are cash (including foreign currency in settlement account, ABMB's FD, ABMB's Foreign Currency FD, quoted shares on Bursa Malaysia and recognised foreign stock exchanges**.**

11. What are the major risks?

- **Loan Financing Risk**
  You should assess the inherent risk/ existing risk of investing with borrowed money which should include the following:
  i. the ability to service monthly interest and repay the outstanding credit facility as and when is required; and
  ii. the ability to provide additional cash and/or securities should the pledged collateral value fall beyond a certain level/ the account is under margin call or force sell.

- **Interest Rate Risk**
  The effect of increase in interest rates on the loan financing, an increase in interest rate may raise your financing cost and reduce the net return from your investment.
- **Currency risk**
  Whilst the loan financing is denominated in RM, if collaterals denominated in foreign currencies will cause the pledged collaterals to be exposed to currency exchange fluctuations that could affect your collateral value and margin position (risk arises from currency conversion).
- **Liquidity Risk**
  The pledged securities or asset may not be liquidated immediately in the market to rectify the margin call/ force sell level, resulting in lower sales/ redemption proceeds and may lead to lower return of investment.

12. What do I need to do if there are changes to my contact details?

- Please inform our sales staff i.e. personal banking manager, customer relationship manager or dealer of any changes to your contact details to ensure that all correspondence reaches you in a timely manner.

13. Where can I get assistance and redress?

- If you have difficulties in making repayments, you should contact us as soon as possible to discuss repayment alternatives. You may contact us at:
  Alliance Bank Malaysia Berhad
  Consumer Collections
  2nd Floor, 3 Alliance
  3 Jalan SS15/2A
  47500 Subang Jaya, Selangor
  Tel: 03-5516 9988
  Fax: 03-5516 9399
  Email: info@alliancefg.com

- Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counseling, financial education and debt restructuring for individual. You may also join the "Program Pengurusan Wang Anda" (POWER) offered by AKPK that promotes financial discipline and prudent financial management. For further information or to register, please contact AKPK at:
  Tingkat 8, Maju Junction Mall
  1001, Jalan Sultan Ismail
  50250 Kuala Lumpur
  Tel: 03-2616 7766
  Email: enquiry@akpk.org.my

- If you wish to make a complaint on the products or services provided by us, you may contact us at:

Peninsular Malaysia	**Sabah**	**Sarawak**
Regional Centre Manager-Peninsular Share Trading Centre Alliance Bank Malaysia Berhad Level 11, Menara Alliance Bank No. 159 Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2604 2111 Fax: 03-2691 9891	Regional Centre Manager-Sabah Share Trading Centre Alliance Bank Malaysia Berhad 84, Jalan Gaya 88000 Kota Kinabalu Tel: 088-260 785 Fax: 088-260 594	Regional Centre Manager-Sarawak Share Trading Centre Alliance Bank Malaysia Berhad 70, 2nd Floor, Lot 31275, Block 10, Jalan Laksamana Cheng Ho, 93200 Kuching Tel: 082–243 268 Fax: 082–426 139

- If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact BNMLINK or Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) at:

BNMLINK 4th Floor, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur Tel.: 1-300-88-5465 **(Malaysia)** or +603 2174 1717 **(Overseas)** Operating Hours: 9:00 a.m. – 5:00 p.m. (Monday – Friday except for public holiday) Website: bnm.gov.my/BNMLINK	**Financial Markets Ombudsman Service (FMOS)** Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia No.4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur. Tel.: +603 2272 2811 Operating Hours: 9:00 a.m. – 5:00 p.m. (Monday – Friday except for public holiday) Website: https://www.fmos.org.my

14. Where can I get further information?

- If you have any enquiries or require further clarification, please contact the nearest ABMB branch or STC. You may also contact us if you need advice in Bahasa Malaysia

15. Other loan/financing packages available

- Portfolio Financing

IMPORTANT NOTE: FORCE-SELLING MAY BE TAKEN AGAINST YOUR SECURITY OFFERED IF YOU DO NOT TOP-UP WITHIN STIPULATED TIMEFRAME ON YOUR FINANCING FACILITY. IT IS YOUR RESPONSIBILITY TO READ AND UNDERSTAND THE KEY TERMS IN THE LETTER OF OFFER AND LEGAL DOCUMENTS BEFORE YOU SIGN IT.

The information provided in this disclosure sheet is valid as at the date herein or until _____

Pembiayaan Margin Saham
Lembaran Maklumat Produk

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK **(Baca Lembaran Maklumat Produk (PDS) ini sebelum anda memutuskan untuk mendapatkan produk Pembiayaan Margin Saham. Pastikan anda turut membaca terma-terma dalam Surat Tawaran yang berkaitan. Minta penjelasan daripada institusi anda sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma am.)**	**Alliance Bank Malaysia Berhad ("ABMB" atau "bank")** **Pembiayaan Margin Saham** Tarikh: _____

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Pembiayaan Margin Saham?

- Pembiayaan Margin Saham merupakan kemudahan kredit yang ditawarkan oleh ABMB yang membolehkan pelanggan membiayai perolehan saham mereka melalui had kredit yang dijamin dengan pelbagai jenis cagaran (contoh: tunai, Deposit Tetap ABMB (FD), mata wang asing, saham yang disebut harga di Bursa Malaysia dan saham asing yang diiktiraf)
- Anda boleh melaksanakan dagangan saham pilihan anda melalui kemudahan Margin Saham ABMB iaitu melaksanakan dagangan dengan Pusat Dagangan Saham ABMB ("STC") dan/atau Dagangan Internet ABMB.

2. Apakah yang dapat saya perolehi daripada produk ini?

- Amaun/Had Pembiayaan : Minimum RM50,000;
  Maksimum RM20,000,000.
- Margin Pembiayaan ("MOF") : Sehingga 60%
- Panggilan Margin : Sehingga 70%
- Jualan Paksa : Sehingga 80%
- Tempoh : Tertakluk kepada kajian semula berkala oleh Bank
- Kadar Asas Standard ("SBR") : 2.75% berkuat kuasa mulai 15 Julai 2025
- Kadar Faedah : Kadar minimum pada Kadar Asas Standard ("SBR") + 2.85% setahun (tertakluk kepada komposisi portfolio cagaran)
  Kadar maksimum pada Kadar Asas Standard ("SBR") + 6.00% setahun
- Faedah yang perlu dibayar : Faedah dikira menurut kiraan atas baki harian berdasarkan amaun pembiayaan yang digunakan/pinjaman yang belum dijelaskan bagi kemudahan Pembiayaan Margin Saham ("Kemudahan"). Faedah perlu dibayar setiap bulan melalui debit daripada akaun pinjaman.

Nota: Terma dan kadar faedah muktamad yang dikenakan akan dinyatakan dalam Surat Tawaran.

Contoh kuasa beli Pembiayaan Margin Saham:

Cagaran (RM)	**Pengganda [Margin Pembiayaan = sehingga 60%]**	**Had Kredit (RM) / Had Margin (RM)**
FD 100K	2.5 X	250k
Tunai 100K	1.5 X	150k + 100k (Tunai)
Saham yang disebut harga 100K (**Dihadkan pada ECP**)*	1.5 X	150k

* Had Harga Efektif (ECP) = Had harga atau harga pasaran saham yang didagangkan (mana-mana yang lebih rendah.

3. Apakah Kadar Asas Standard ("**SBR**")?

- SBR yang kami tawarkan bagi produk ini adalah berdasarkan kadar penanda aras yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Kadar penanda aras pada masa ini ditetapkan sebagai Kadar Dasar Semalaman (OPR), yang mencerminkan pendirian dasar monetari sebagaimana yang diputuskan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia.

4. Apakah senario yang mungkin boleh mencetuskan perubahan dalam SBR?

- SBR boleh naik atau turun disebabkan oleh perubahan kadar penanda aras, iaitu perubahan Kadar Dasar Semalaman (OPR).

5. Sejarah SBR sepanjang tempoh 3 tahun lalu

Nota: SBR diperkenalkan pada 1 Ogos 2022. Garis pada graf menunjukkan siri sejarah OPR, yang merupakan penanda aras SBR.

6. Apakah obligasi saya?

- Anda perlu membayar faedah yang dikira berdasarkan amaun pembiayaan yang telah digunakan/pinjaman yang belum dijelaskan. Faedah mesti dibayar setiap bulan secara tunggakan, yang terkompaun menurut kiraan atas baki bulanan.

Formula untuk mengira caj faedah (terakru secara harian dan dicaj bulanan):

$$\text{Faedah Harian} = \frac{\text{Baki Pinjaman Harian} \times \text{Kadar Faedah Tahunan}}{\text{Bilangan Hari dalam Setahun}}$$

Kadar faedah efektif anda adalah berdasarkan SBR ditambah dengan spread. SBR mungkin berubah jika BNM menyemak semula OPR. Jika OPR meningkat, kadar faedah dan jumlah bayaran balik anda juga akan meningkat.

Anggap 30 hari sebulan	**Hari ini (SBR = 2.75%)**	**SBR naik 0.25%**	**SBR naik 0.5%**
Penggunaan Pinjaman	RM3,000,000.00	RM3,000,000.00	RM3,000,000.00
Kadar Efektif (spread @ 2.15%)	4.90%	5.15%	5.40%
Faedah bulanan dikenakan ke atas penggunaan	RM12,082.19	RM12,698.63	RM13,315.07

- Apabila diminta, anda perlu membayar balik semua amaun pembiayaan yang belum dijelaskan/pinjaman yang belum dijelaskan di bawah Kemudahan tersebut, termasuklah amaun prinsipal, faedah dan sebarang fi dan caj lain.
- Sekiranya nilai cagaran menjadi lebih rendah daripada amaun terhutang kepada bank yang belum dijelaskan, anda dikehendaki memberi/menyediakan cagaran atau tunai tambahan kepada bank

7. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

No.	**Fi**	**Amaun**
i)	Fi dokumentasi & fi pentadbiran	Kira-kira RM10
ii)	Duti Setem	Duti setem yang perlu dibayar di bawah Akta Setem 1949

Nota:
Kecuali dinyatakan sebaliknya di sini, caj bank adalah tidak termasuk sebarang cukai semasa dan akan datang yang mungkin dikenakan, di bawah undang-undang yang berkenaan. Pada tarikh penguatkuasaan pelaksanaan mana-mana cukai tersebut pada masa akan datang dan di mana berkenaan, bank berhak untuk menuntut cukai tersebut daripada anda.
Untuk maklumat lanjut mengenai fi dan caj, sila rujuk https://www.alliancebank.com.my/fees-and-charges

8. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi obligasi saya?

- Apabila amaun pinjaman yang belum dijelaskan melebihi Had Kemudahan, faedah tambahan sebanyak 1.0% setahun dikenakan terhadap amaun lebihan yang melangkaui Had Kemudahan tersebut.
- Anda dikehendaki mengekalkan margin sekuriti sepanjang masa. Sekiranya nilai sekuriti tidak mencukupi untuk menampung pinjaman yang belum dijelaskan; anda akan dikenakan panggilan margin atau jualan paksa, yang menghendaki anda menyediakan cagaran atau tunai tambahan. Bank berhak menjual paksa cagaran yang anda dicagarkan untuk menampung margin sekuriti yang tidak mencukupi sekiranya anda gagal membetulkan kedudukan margin sekuriti dalam jangka masa yang ditetapkan. Tempoh tangguh untuk memenuhi sebarang panggilan margin dan/atau lebihan adalah dalam tempoh empat (4) hari perniagaan dari tarikh komunikasi/pemberitahuan.
- Sebagai tambahan kepada sebarang hak lain yang ada pada bank, bank berhak pada bila-bila masa, dan dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada anda, untuk menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun anda dan liabiliti anda atau menolak selesai atau memindahkan sebarang jumlah yang ada dalam satu atau lebih akaun tersebut, untuk melunaskan mana-mana liabiliti anda di bawah kemudahan tersebut.

9. Adakah saya memerlukan perlindungan insurans/takaful?

- Tidak. Perlindungan insurans atau takaful tidak diperlukan untuk kemudahan ini.

10. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- Keperluan penjamin adalah tertakluk kepada penilaian kredit pelanggan oleh ABMB.
- Contoh cagaran yang diterima adalah tunai (termasuk mata wang asing dalam akaun penyelesaian, deposit tetap ABMB, deposit tetap mata wang asing ABMB, saham yang disebut harga di Bursa Malaysia dan saham asing yang diiktiraf**.**

11. Apakah risiko utamanya?

- **Risiko Pembiayaan Pinjaman**
  Anda perlu menilai risiko bawaan/risiko sedia ada bagi pelaburan yang dibuat dengan wang yang dipinjam, yang merangkumi yang berikut:
  i. Keupayaan menjelaskan faedah bulanan dan membayar balik kemudahan kredit yang belum dijelaskan sebagaimana yang sepatutnya; dan
  ii. Keupayaan untuk menyediakan tunai dan/atau sekuriti tambahan sekiranya nilai cagaran yang dicagarkan jatuh di bawah tahap tertentu/akaun dikenakan panggilan margin atau jualan paksa.

- **Risiko Kadar Faedah**
  Kesan daripada kenaikan kadar faedah terhadap pembiayaan pinjaman, kenaikan kadar faedah akan mengurangkan pulangan bersih daripada pelaburan anda.

- **Risiko Mata wang**
  Walaupun pembiayaan pinjaman adalah dalam bentuk Ringgit Malaysia (RM), cagaran yang didenominasikan dalam mata wang asing akan terdedah kepada risiko turun naik kadar pertukaran mata wang (risiko yang timbul daripada penukaran mata wang).

- **Risiko Kecairan**
  Sekuriti atau aset yang dicagarkan mungkin tidak dapat dicairkan dengan segera di pasaran untuk membetulkan tahap panggilan margin/penjualan paksa, yang menyebabkan jualan/hasil penebusan yang lebih rendah dan boleh menyebabkan pulangan pelaburan yang lebih rendah.

12. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?

- Sila maklumkan kepada kakitangan jualan kami iaitu pengurus perbankan peribadi, pengurus perhubungan pelanggan atau wakil niaga mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda pada masa yang sepatutnya.

13. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan tebus rugi?

- Sekiranya anda mengalami kesukaran untuk membuat pembayaran balik, anda perlu menghubungi kami dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran balik. Anda boleh menghubungi kami di:
  Alliance Bank Malaysia Berhad
  Bahagian Kutipan Pengguna
  Tingkat 2, 3 Alliance
  3 Jalan SS15/2A
  47500 Subang Jaya, Selangor
  Tel: 03-5516 9988
  Faks: 03-5516 9399
  E-mel: info@alliancefg.com

- Selain itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK), agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan secara percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda juga boleh menyertai "Program Pengurusan Wang Anda" (POWER) yang dibawakan oleh AKPK yang menggalakkan disiplin kewangan dan pengurusan kewangan berhemat. Untuk maklumat lanjut atau untuk membuat pendaftaran, sila hubungi AKPK di:
  Tingkat 8, Maju Junction Mall
  1001, Jalan Sultan Ismail
  50250 Kuala Lumpur
  Tel: 03-2616 7766
  E-mel: enquiry@akpk.org.my

- Sekiranya anda ingin mengemukakan aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di:

Semenanjung Malaysia	**Sabah**	**Sarawak**
Pengurus Pusat Wilayah-Semenanjung Pusat Dagangan Saham Alliance Bank Malaysia Berhad Tingkat 11, Menara Alliance Bank, No. 159 Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2604 2111 Faks: 03-2691 9891	Pengurus Pusat Wilayah-Sabah Pusat Dagangan Saham Alliance Bank Malaysia Berhad 84, Jalan Gaya 88000 Kota Kinabalu Tel: 088-260 785 Faks: 088-260 594	Pengurus Pusat Wilayah-Sarawak Pusat Dagangan Saham Alliance Bank Malaysia Berhad 70, Tingkat 2, Lot 31275, Blok 10, Jalan Laksamana Cheng Ho, 93200 Kuching Tel: 082–243 268 Faks: 082–426 139

- Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi BNMLINK atau Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) di:

BNMLINK	**Financial Markets Ombudsman Service (FMOS)**
4th Floor, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur Tel.: 1-300-88-5465 **(Malaysia)** or +603 2174 1717 **(Overseas)** Operating Hours: 9:00 a.m. – 5:00p.m. (Monday – Friday except for public holiday) Website: bnm.gov.my/BNMLINK	Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia No.4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur. Tel.: +603 2272 2811 Operating Hours: 9:00 a.m. – 5:00 p.m. (Monday – Friday except for public holiday) Website: https://www.fmos.org.my

14. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan penjelasan lanjut, sila hubungi cawangan ABMB atau Pusat Dagangan Saham terdekat. Anda juga boleh menghubungi kami sekiranya anda memerlukan nasihat dalam Bahasa Malaysia

15. Pakej pinjaman/pembiayaan lain

- Pembiayaan Portfolio

NOTA PENTING: JUALAN PAKSA MUNGKIN DILAKSANAKAN TERHADAP SEKURITI ANDA SEKIRANYA ANDA TIDAK MEMBUAT PENAMBAHAN DALAM JANGKA MASA YANG DITETAPKAN BAGI KEMUDAHAN PEMBIAYAAN ANDA. ANDA BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA-TERMA PENTING DALAM SURAT TAWARAN DAN DOKUMEN UNDANG-UNDANG SEBELUM MENANDATANGANINYA.

Maklumat yang terdapat dalam lembaran maklumat produk ini sah pada tarikh yang terkandung di sini atau sehingga

_____